



A Gariskan kata ganti nama diri yang betul.

- 1 "(Aku / Kita) tidak sentuh pun barang-barang itu," kata Kunal kepada Afiq.
- 2 "(Saya / Kami) tidak dapat hadir semalam kerana sakit perut," kata Jagjeet.
- 3 Sungguhpun badan Evan kecil tetapi (engkau / dia) dapat mengangkat kotak yang berat itu.
- 4 "(Dia / Beliau) ialah guru kelas Tahun Empat Cemerlang," beritahu Sofee kepada rakan-rakannya.
- 5 "Mengapakah (kamu / saya) menangis?" tanya Shamil kepada budak itu.
- 6 "Sudah lama saya menunggu (awak / tuanku) di sini," kata Aidil kepada Taha.



B Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang betul.

saya	kami	kamu	beliau	dia	hamba
------	------	------	--------	-----	-------

- 1 Ayah saya seorang pegawai tentera. _____ bertugas di Kem Sungai Buloh.
- 2 "Sudah lima tahun _____ tinggal di Kampung Desa Murni," kata Aisya.
- 3 "_____ anak dagang dari kampung seberang," kata Hang Kasturi kepada Bendahara Mansor.
- 4 Soraya gembira kerana _____ mendapat 6A dalam peperiksaan UPSR.
- 5 "Sampaikan salam _____ kepada ibu dan ayah kamu," kata Pak Cik Atan dan Mak Cik Ros kepada Maisara.
- 6 "_____ akan dikenakan tindakan tegas jika gagal menghadiri sesi latihan," kata Cikgu Stephen kepada Julian.